

▼26/05/17-51MST

CNS7143

R GB 26-05 00207 BA848

aab

Mahathir - Tunisia

(EMBARGO: UNTUK SIARAN SELEPAS PUKUL 10 MALAM INI)

M'SIA AKAN BUKA PEJABAT DAGANG DI TUNISIA

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan membuka pejabat perdagangan di Tunisia tidak lama lagi bagi mengeratkan kerjasama ekonomi dan menggalakkan dagangan terus dua hala antara Kuala Lumpur dan Tunis.

Perdana Menteri juga menyambut baik langkah Tunisia untuk membuka pejabat perdagangannya di Kuala Lumpur dan beliau yakin usaha itu akan memperkukuhkan hubungan dua hala antara Malaysi dan Tunisia.

Malaysia percaya kerjasama antara negara-negara membangun terutamanya pada tahap Selatan-Selatan adalah penting serta berpotensi besar, katanya.

Ini bukan sahaja dalam bidang dagangana tetapi juga pelaburan yang akan menggalakkan pengaliran kewangan yang lebih besar dan perkhidmatan yang berkaitan serta pertukaran teknologi, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata demikian pada majlis makan malam bagi meraikan rakan sejawatannya dari Tunisia, Dr Hamed Karoui dan isteri di Sri Perdana di sini malam ini.

Dr Karoui, yang mengetuai rombongan 10 orang pegawai tiba di sini semalam untuk lawatan rasmi tiga hari ke Malaysia, lawatan pertama oleh seorang ketua kerajaan negara itu sejak Kuala Lumpur dan Tunisia mengadakan hubungan diplomatik. -- Lagi.

▼26/05/18-02MST

CNS7149

R GB 26-05 00170 BA849

aab

Mahathir - Tunisia 2 Kuala Lumpur (Embargo)

Dr Mahathir berkata Malaysia yakin usaha mengukuhkan hubungan ekonomi ekoran perjanjian dua hala yang ditandatangani pagi ini akan mempertingkatkan dagangan terus antara kedua-dua negara dalam semangat kerjasama Selatan-Selatan.

Pagi tadi pemimpin-pemimpin Malaysia dan Tunisia memeterai perjanjian mengenai kerjasama ekonomi dan teknikal dan memorandum persefahaman (MOU) dalam bidang kerjasama sains dan teknologi di Jabatan Perdana Menteri.

"Malaysia bersedia bekerjasama dan menyumbang kepada usaha-usaha memperbaiki ekonomi Tunisia," kata Dr Mahathir.

Walaupun Malaysia bukannya pengekspot modal yang besar, ia bersedia berkongsi kepakaran dalam bidang-bidang tertentu, katanya.

Perdana Menteri juga berkata beliau tertarik dengan usaha kerajaan Tunisia ke arah reformasi ekonomi dan politik. Beliau yakin bahawa negara benua Afrika itu akan berupaya mencapai kemajuan dan kemakmuran yang lebih besar pada masa akan datang.

Dr Mahathir juga berkata beliau kecewa kerana tragedi di Bosnia-Herzegovina gagal mencapai penyelesaian yang adil. Belum pernah dunia menyaksikan pencabulan hak asasi manusia yang begitu terus-terang dan jelas.

-- Lagi.

▼26/05/18-05MST

CNS7151

R GB 26-05 00175 BA850

aab

Mahathir - Tunisia 3 (Akhir) Kuala Lumpur (Embargo)

"Kami dapati kerap kali keputusan-keputusan yang membabitkan banyak pihak dibuat oleh sebilangan kecil mereka yang istimewa," katanya dan menambah kata bahawa Malaysia bimbang mengenai bagaimana isu-isu secepat diurus dan ditangani.

Ekoran itu, Dr Mahathir percaya bahawa perlu proses membuat keputusan secepat dijadikan benar-benar demokratik. Monopoli ke atas proses keamanan di Bosnia patut ditamatkan dan negara-negara lain hendaklah dibenarkan menyelia dan mengawasi rundingan damai itu.

"Ancaman supaya menerima perdamaian atau 'kami biarkan anda dibunuh beramai-ramai' tidak seharusnya dijadikan asas rundingan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata sementara Malaysia percaya sistem Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) boleh menyediakan mekanisme yang wajar bagi mewujudkan orde baru dunia yang lebih adil, kejadian di Goradze bagaimanapun menyebabkan Malaysia kehilangan kepercayaan sepenuhnya terhadap kewibawaan PBB dalam membantu negara-negara yang lemah.

Kejadian pembunuhan beramai-ramai di Rwanda sekali lagi membuktikan kelemahan PBB dalam menangani masalah pencabulan hak asasi manusia. Adalah amat mengecewakan hanya jika kepentingan pihak tertentu terbabit barulah PBB digunakan. -- Bernama

ZV NMO

♥26/05/18-07MST

CNS7194

R GB 26-05 00116 BA852

bah

TIMBALAN YANG DIPERTUA DPMNS MENINGGAI DUNIA

SEREMBAN, 26 Mei (Bernama) -- Timbalan Yang Dipertua Dewan Perniagaan Melayu Negeri Sembilan (DPMNS), Haji Ibrahim Baba, 65, meninggal dunia di rumahnya di Jalan Datuk Muda Linggi di sini tengah hari ini.

Menurut seorang anggota keluarganya, Ibrahim, yang menghidap beberapa jenis penyakit termasuk kencing manis meninggal dunia kira-kira pukul 12.30 tengah hari.

Allahyarham yang juga anggota Majlis Perbadaran Seremban dan bekas Yang Dipertua Persatuan Pengusaha Lori Semenanjung Malaysia, meninggalkan seorang balu, Hajah Darwisah Abdul Majid dan enam orang anak.

Mayatnya dikebumikan di tanah perkuburan Makam Haji Said di sini selepas Asar petang ini. -- Bernama

RP NMO

♥26/05/18-27MST